



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN MENJADI MEDIUM PENYATUAN MASYARAKAT DI PARLIMEN SEGAMBUS

KUALA LUMPUR, 18 Februari 2017 – Kira-kira 3,000 penduduk Parlimen Segambut menghadiri program Kenduri 1Wilayah Persekutuan anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang diadakan di Pusat Rekreasi Jalan Jambu Golok, Segambut. YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan serta pemimpin-pemimpin tempatan turut hadir di program tersebut.

Kerajaan turut melaksanakan pelbagai inisiatif dalam membantu mensejahterakan kehidupan warga kota khususnya di Segambut seperti melaksanakan projek pelebaran jalan bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas dan menaik taraf pemasangan paip-paip baru pembentungan bawah tanah bagi meningkatkan keselesaan penduduk dan pengguna jalan raya. Selain itu, Kementerian juga bakal membina rumah mampu milik di kawasan Segambut bagi memberi peluang kepada komuniti setempat untuk memiliki rumah di bawah harga RM300,000.

Kenduri 1Wilayah Persekutuan ini merupakan program *signature* sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan di bawah kluster program mesra rakyat yang diadakan di 13 lokasi mengikut Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Penganjuran Kenduri 1Wilayah Persekutuan bertujuan untuk menyemai serta membudayakan semangat kerjasama, keharmonian dan integrasi kaum. Di samping itu,

program ini juga menjadi salah satu instrumen penting dalam memacu perpaduan dan kestabilan khususnya di Wilayah Persekutuan.

Pusat Rekreasi Jalan Jambu Golok ini dipilih menjadi lokasi penganjuran Kenduri 1Wilayah Persekutuan pada tahun ini kerana kawasan yang luas dan selesa dilengkapi dengan kemudahan awam. Program ini turut menjadi landasan dalam usaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menzahirkan keseimbangan pembangunan modal insan warga Wilayah Persekutuan.

Para penduduk di sini bergotong royong menyediakan masakan dengan kerjasama daripada Pusat Khidmat Masyarakat, badan-badan bukan Kerajaan, Persatuan Penduduk dan Majlis Perwakilan Penduduk. Hasil kerjasama yang dilaksanakan ini membolehkan program seperti ini dijalankan dengan lebih mantap, menjimatkan kos dan masa.

Pelbagai aktiviti lain turut diadakan termasuk zumba, tai chi, tarik tali, sukaneka, sukan rakyat, pertandingan mewarna, basketball, persembahan pentas, pertandingan futsal, gerai pameran dari agensi Kerajaan dan swasta serta cabutan bertuah.

Diharapkan melalui program yang bermanfaat ini, warga Wilayah Persekutuan khususnya warga Segambut dapat mengukuhkan hubungan akrab, meningkatkan semangat kebersamaan dan kekitaan antara satu sama lain bagi membentuk masyarakat sejahtera dan ceria.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat, KWP

Kuala Lumpur

18 Februari 2017